

**Jabatan Audit kesan lima kes melibatkan ketirisan RM1.76 bilion**  
**Astro Awani**  
**15 Julai 2019**  
**Nursyazwani Saiful Sham,**

KUALA LUMPUR: Sebanyak lima kes melibatkan ketirisan RM1.76 bilion telah dikenal pasti oleh Jabatan Audit Negara, menurut Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 1, yang dikeluarkan hari ini.

Selain itu, laporan tersebut turut menyebut tujuh kes dikenal pasti membabitkan pembayaran tidak wajar atau 'improper payment' berjumlah RM38.73 juta, manakala enam kes dikategorikan sebagai 'membazir' membabitkan jumlah RM26.47 juta.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Datuk Dr Noraini Ahmad berkata, laporan berkenaan berdasarkan pada 19 projek yang diaudit.

Menurut beliau, antara sebab berlakunya masalah-masalah ini adalah disebabkan kelemahan perancangan projek, kelemahan aspek bayaran, pentadbiran kontrak yang tidak teratur, pembinaan tidak mengikut kualiti dan juga spesifikasi yang ditetapkan selain kelemahan pemantauan.

“Berikutan itu PAC Parlimen bersetuju untuk memanggil Jabatan Perdana Menteri untuk program pembangunan sosio-ekonomi masyarakat India, Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang membabitkan isu-isu subsidi gas cecair petroleum (LPG).

"Yang lain-lain akan dimaklumkan kemudian setelah PAC bermesyuarat untuk berbincang mengenai apa jenis prosiding yang akan kita lakukan selepas ini," kata Noraini dalam sidang media di Parlimen pada Isni.

Turut sama dalam sidang media itu ialah Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid.

Selain itu, Noraini berkata, PAC juga akan memanggil kementerian yang bertanggungjawab terhadap kawalan pekerja asing, aktiviti kecemasan dan trauma, Sekolah Sukan Malaysia Perlis, hab pendidikan tinggi Pagoh dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas).

Sementara jabatan dan kementerian-kementerian lain ialah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Komunikasi, Kementerian Pendidikan, Kementerian Dalam Negeri.

Beliau turut memberitahu, kementerian dan jabatan yang terlibat akan dipanggil semula dalam satu mesyuarat prosiding seterusnya untuk menjelaskan progres projek-projek yang terlibat dalam satu tarikh yang akan ditetapkan dalam masa terdekat

Sementara itu, Nik Azman berkata, siasatan pihaknya mendapati secara keseluruhannya, isu-isu tersebut berlaku kerana ketidakpatuhan terhadap prosedur kewangan dan kerajaan.

"Peraturan sudah ada, tetapi tidak dipatuhi, juga berlaku kelemahan pentadbiran kontrak di mana kontrak itu kadang-kadang tidak menyebelahi kerajaan atau kepentingan kerajaan tidak diutamakan," katanya lagi.

© 2019 Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jabatan-audit-kesan-lima-kes-libatkan-ketirisan-rm1-76-bilion-212697>